

09/06/2003

'Malaysia kehilangan seorang negarawan'

"ALLAHYARHAM mencurahkan khidmat dan sumbangan yang cukup besar kepada negara. Hingga ke akhir hayatnya, Allahyarham masih gigih bekerja," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tidak dapat menahan sebak ketika menziarah jenazah Raja Tun Mohar Raja Badiozaman, semalam.

Bagi Perdana Menteri dan rakan-rakan seangkatan dengan beliau, pemergian

Allahyarham Raja Mohar ke rahmatullah pada jam 3.19 pagi semalam bukan setakat kematian seorang sahabat, malah kehilangan kepada negara.

Walaupun Allahyarham Raja Mohar tidak pernah mencatat nama sebagai tokoh

politik, matlamat perjuangannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk politik dan bangsa Melayu. Sewaktu hayatnya, Allahyarham menjadi penasihat

ekonomi kepada tiga perdana menteri, termasuk Dr Mahathir.

Beliau mula mengenali dunia politik ketika berkhidmat di Perbendaharaan

Negara pada 1972, apabila dipanggil Tun Abdul Razak untuk menjadi Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri.

Raja Mohar kekal dengan jawatan itu sehinggalah Tun Abdul Razak meninggal dunia. Namun, pemergian Abdul Razak tidak menggugat keyakinan kerajaan dan rakyat terhadap keupayaannya membantu membangunkan ekonomi negara apabila Allahyarham terus dilantik menjadi Penasihat Ekonomi kepada

Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir sendiri.

Dilahirkan pada 23 Mac 1922, anak kelahiran Kuala Kangsar, Perak itu mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Clifford sebelum melanjutkan pelajaran ke Raffles College, Singapura.

Menurut cerita, nenek Allahyarham yang ketika itu Sultanah Perak menghantar Raja Mohar ke sekolah biasa, tidak seperti abangnya, Raja Zahar

yang dihantar ke Maktab Melayu Kuala Kangsar. Ini bertujuan membentuk 'jiwa rakyat' pada diri Allahyarham. Mungkin kerana itulah, maka Allahyarham menghabiskan sebahagian besar usianya untuk berkhidmat kepada

rakyat.

Allahyarham memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Cambridge di England pada 1952 dan setahun kemudian lulus dengan Diploma Ekonomi Pertanian.

Sebagai pakar ekonomi, kerjaya cemerlang Allahyarham meliputi perkhidmatan dalam sektor awam dan kemudiannya di sektor swasta.

Kebanyakan mereka yang mengenali Allahyarham menyifatkannya sebagai seorang yang amat komited dan tekun terhadap tugas diamanahkan kepadanya.

Setiap tugas diterima dengan penuh keikhlasan. Sehingga ke saat-saat akhir

sebelum persaraannya, Allahyarham menerima jawatan sebagai Pengerusi Perodua. Majlis rasmi terakhir yang dihadiri Allahyarham ialah pelancaran

model baru Perodua Kancil, hujung tahun lalu.

"Kita kehilangan seorang anak watan yang banyak berjasa kepada bangsa dan negara. Selama perkhidmatannya, Allahyarham memainkan peranan amat penting sebagai Ketua Setiausaha Perdagangan dan Penasihat Ekonomi kepada tiga perdana menteri," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam apa juga tugas yang dilaksanakan, Raja Mohar menyempurnakannya dengan cemerlang. Namun, Allahyarham tidak mengejar kegemilangan apatah lagi kedudukan dan kuasa, sebaliknya beliau akan dikenang sebagai seorang kakitangan awam yang amat bersopan santun, lemah lembut dan budiman.

Mungkin kerana darah Raja yang mengalir dalam tubuhnya (Allahyarham adalah cicit kepada Sultan Perak, Sultan Abdullah, yang dibuang negeri kerana didakwa terbabit dalam rancangan membunuh James Birch), beliau amat disenangi dan dipercayai oleh sesiapa saja.

Allahyarham juga mempunyai falsafah terhadap kerja. Tugas perlu dilaksanakan dengan sepenuh komitmen tanpa sebarang alasan, kecuali Tuhan dan keluarga.

"Hobi saya ialah bekerja," katanya kepada pemberita pada majlis melepaskan jawatan sebagai Pengerusi Penerbangan Malaysia pada 1991.

Antara jawatan penting lain yang pernah disandangnya ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); Pengerusi Petronas; Pengerusi Pengurusan Danaharta Nasional Bhd; Penerbangan Malaysia (MAS), Petronas dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Allahyarham turut mencatat beberapa kejayaan ketika bersama Petronas. Malah, ada pihak yang percaya sumbangan Allahyarham ketika di Petronas lebih bermakna berbanding ketika beliau berkhidmat dalam kerajaan dan sektor swasta.

Keupayaan dan kebijaksanaan Allahyarham mengendalikan isu sensitif yang menuntut diplomasi khususnya perkongsian hak produk dengan syarikat gergasi minyak antarabangsa seperti Shell dan Esso, tidak dapat dinafikan kini menjadi legenda.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin menyifatkan Allahyarham sebagai insan yang tidak pernah membanggakan diri. "Allahyarham adalah seorang negarawan dan ahli ekonomi yang banyak menyelesaikan pelbagai masalah negara," katanya.

Raja Mohar juga seorang suami dan bapa yang amat bertanggungjawab dan rapat dengan anggota keluarga. Pada satu majlis, Allahyarham menyifatkan semua kejayaan yang dicapainya adalah kejayaan keluarga, terutama isteri, Toh Puan Norella Talib. Bagaimanapun, itu tidak bermakna Allahyarham memewah dan memanjakan anak-anaknya. Beliau mahukan yang terbaik daripada anak-anaknya, Nordina, Dunita, Mazli dan Mazhar, dalam apa jua bidang diceburi.

Allahyarham dikurniakan darjah Seri Setia Mahkota pada 1992, yang membawa gelaran Tun. Beliau turut menerima pelbagai anugerah dari

kerajaan

asing yang mengiktiraf kebolehannya.

Tokoh Maal Hijrah pada tahun 1993 ini juga pernah menjadi Pro-Canselor Universiti Sains Malaysia dan Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP)

selain menerima Anugerah Yayasan Tun Razak pada 1983.

Semoga Allah mencucuri rahmatnya ke atas roh Allahyarham. Al-Fatihah.